



INTROP – MOSTI Kaji Kawalan Diversiti dan Karbon Hutan Tropika



Prof. Dr. Abu Bakar Salleh bertukar dokumen MoA dengan M. Vaani.

SERDANG, 13 Mac – Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP) Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) menerusi program Brain Gain Malaysia bertajuk 'Kawalan Diversiti dan Keseimbangan Karbon Hutan Tropika'.

Pengarah INTROP, Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun berkata projek itu mendapat pembiayaan sebanyak RM477 ribu adalah bertujuan untuk membuat penilaian terhadap simpanan karbon semasa dan masa hadapan di hutan Malaysia.

Projek penyelidikan itu akan dilaksanakan sehingga Oktober 2010 dengan dikendalikan di bawah Laboratori Pengurusan Biosumber Mampam, INTROP yang diketuai oleh Prof Dr Nor Aini Ab Shukur bersama penyelidik yang terlibat iaitu Prof Mohd Basri Hamzah, Prof Dr Jonathan Miles Adam dan Prof Madya Dr Ainuddin Nuruddin.

"Usahasama ini memperkukuhkan lagi hubungan dua hala penyelidikan dalam bidang bioteknologi pertanian antara UPM dengan Rutgers University, Amerika Syarikat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Penyelidikan ini dijangka dapat menghasilkan lima penerbitan dalam bentuk jurnal berimpak tinggi serta laporan teknikal," katanya.

Beliau berkata kerjasama R&D itu meletakkan INTROP sebagai institusi rujukan dalam bidang pengurusan hutan mampam terutama penerokaan karbon dan biodiversiti dinamik hutan tropika serta perubahan iklim global.

Memorandum perjanjian (MoA) tersebut ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Abu Bakar Salleh mewakili UPM dan Timbalan Setiausaha Am (Polisi), Datin Madinah Mohamad mewakili MOSTI dengan disaksikan oleh Pengarah Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun dan Ketua Seksyen (Perancangan Strategik) MOSTI, Puan Hathija Bebe Abdul Majeed.

Prepared by Media and Publicity Section, Corporate Communication Division, UPM